



Headline: Peniaga rugi RM163,500 diperdaya Macau Scam  
Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 20 August 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 60



*Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid*

## Peniaga rugi RM163,500 diperdaya Macau Scam

**Bukit Mertajam:** Seorang peniaga kerugian RM163,500 selepas menjadi mangsa penipuan beberapa individu yang menyamar sebagai petugas Jabatan Kesihatan, selain pegawai dan anggota polis.

Kejadian didakwa berlaku selepas mangsa berusia 60 tahun itu menerima panggilan daripada individu tidak dikenali dari Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur, pada 7 Ogos lalu, berhubung pembelian ubat tidur oleh lelaki warga emas berkenaan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisyoner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata suspek mendakwa mangsa membeli 20 biji ubat tidur, pada 1 dan 2 Ogos lalu, seterusnya menyambung panggilan telefon itu kepada anggota polis di Bukit Aman.

Katanya, individu terbabit memaklumkan mangsa dalam senarai dikehendaki polis dan meminta memasukkan RM24,000 ke dalam akaun Maybank 10209109689 sebagai wang jaminan.

"Mangsa kemudian terus pergi ke kaunter Maybank Alma Bukit Mertajam, di sini dan memasukkan wang RM24,000 ke akaun bank diberikan individu terbabit.

"Pada jam 11 pagi keesokannya, pengadu menerima panggilan daripada seorang individu lain yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Gan dan memintanya memasukkan wang RM23,000 ke satu akaun Maybank di atas nama Lee H," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Katanya, mangsa kemudian sekali lagi diminta memasukkan wang RM9,000 ke satu akaun CIMB pada jam 3 petang hari yang sama.

"Keseluruhannya, mangsa sudah memasukkan RM163,550 ke akaun sehingga Rabu lalu sebelum menyedari ditipu," katanya.

Beliau berkata, rakaman percakapan mangsa sudah dijalankan, selain pihaknya kini sedang mengesan suspek dengan membuat siasatan ke atas talian telekomunikasi digunakan mereka.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 402 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.